

PM yakin Piala Monsun berpotensi dikembangkan

Oleh MARZUKI YUSOFF
dan IRMAN HASHIM

KUALA TERENGGANU

3 Dis. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi gembira kerana kejohanan kapal layar Piala Monsun di Pulau Duyong di sini yang berakhir hari ini ditonton oleh 1.8 bilion isi rumah di seluruh dunia.

Berdasarkan kepada sambutan tersebut, Perdana Menteri percaya aktiviti sukan air seperti kejohanan kapal layar mempunyai potensi untuk dikembangkan lebih jauh bagi memberi manfaat kepada rakyat dan meningkatkan imej negara.

Sehubungan itu, beliau memberi jaminan bahawa Pulau Duyong akan dibangunkan sebagai pusat sukan air terkemuka di ne-

Saya cukup berpuas hati dengan pencapaian kejohanan Piala Monsun dan jumlah penonton yang menyaksikan kejohanan itu tahun ini yang meningkat kepada 1.8 bilion

gara ini dan menjadi lokasi kepada penganjuran lebih banyak kejohanan kapal layar bertaraf dunia.

Beliau yang turut gembira dengan kejayaan penganjuran kejohanan kapal layar Piala Monsun di pulau itu, percaya Terengganu mampu menganjurkan lebih banyak sukan bertaraf dunia berdasarkan kemudahan sedia ada dan kemudahan baru yang bakal dibangunkan.

"Saya cukup berpuas hati dengan pencapaian kejohanan Piala Mon-

sun dan jumlah penonton yang menyaksikan kejohanan itu tahun ini yang meningkat kepada 1.8 bilion isi rumah di seluruh dunia.

"Bagi saya, itu satu pencapaian yang amat baik dan menunjukkan Piala Monsun bukan saja mula diterima oleh masyarakat tempatan tetapi juga antarabangsa," tegas Abdullah.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan perlumbaan akhir kejohanan kapal layar Piala

UM-4 | 12/2006

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Monsun di Kelab Teluk Warisan, Pulau Duyong hari ini. Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh.

Pada perlumbaan itu, pasukan Alinghi yang diketuai oleh Peter Holmberg muncul juara apabila menewaskan Mathieu Richard daripada pasukan Saba Sailing, sekali gus merampas kejuaraan daripada penyandang tahun lalu, Peter Gilmour daripada pasukan Pizza La-Sailing.

Abdullah juga memberitahu bahawa kerajaan akan menggalakkan lebih banyak anak muda menyertai sukan kapal layar bagi memastikan kemudahan yang disediakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Di Pulau Duyong sendiri, menurut beliau, kemudahan di situ dijangka dapat disiapkan sepenuhnya dalam tempoh dua sete-

ngah tahun lagi.

Pada sidang akhbar yang sama, Perdana Menteri mengucapkan syabas kepada pencapaian, kontinjen sukan negara yang meraih 44 pingat pada Sukan Orang Kurang Upaya Timur Jauh dan Pasifik Selatan (Fespac) 2006.

"Baguslah, ini menunjukkan atlet kurang upaya boleh mencapai kejayaan yang lebih baik untuk negara," katanya.

Sebelum itu, pada majlis makan tengah hari, Abdullah telah dilantik sebagai Penaung Kelab Teluk Warisan, manakala Idris pula dilantik sebagai juragan (*commandores*) kelab itu.

Sempena lawatannya ke Pulau Duyong, Perdana Menteri meluangkan masa selama satu jam melawat bengkel pembuatan bot dan kapal tradisional milik Hasan Ali dan Abdullah Muda.